

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : BANTUAN SIHAT**

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Senaraikan jenis bantuan yang di tawarkan dan huraikan sambutannya di kalangan orang ramai.
- Senaraikan jumlah penerima bantuan mengikut DUN dan jumlah yang diterima masing-masing.

**JAWAPAN:**

- Kerajaan Negeri telah memperkenalkan satu program iaitu Program Bantuan Sihat Selangor, di mana bantuan kewangan akan diberikan kepada pemohon yang layak bagi menampung kos rawatan kesihatan yang tinggi. Pada tahun 2017, sebanyak RM5.5 juta telah diperuntukkan bagi meringankan beban kos rawatan yang ditanggung oleh rakyat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM5 juta telah dikhususkan untuk menampung kos rawatan dialisis kepada pesakit yang mengalami kegagalan fungsi buah pinggang dan selebihnya untuk lain-lain jenis bantuan kesihatan. Di antara bantuan kesihatan yang ditawarkan di bawah Program Bantuan Sihat Selangor adalah seperti berikut :
  - Bantuan katarak mata;
  - Bantuan pembedahan kecil;
  - Bantuan pembelian kaki palsu; dan
  - Bantuan alatan kesihatan termasuk lampin pakai buang dan susu.
- Bagi tahun 2017, jumlah penerima yang telah diluluskan sehingga 20 Julai 2017 adalah seramai 255 orang penerima dan melibatkan peruntukan sebanyak RM773,268. Pecahan mengikut Dewan Negeri adalah seperti jadual berikut:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : PELABURAN DAN HALAL HUB**

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini pelaburan masuk ke negeri Selangor?
- b) Adakah kerajaan negeri mengambil kesempatan dasar hub halal tempatan & global. Jika 'Ya' apakah status perkembangan dasar ini di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Status terkini pelaburan masuk ke Negeri Selangor tidak dapat dinyatakan kerana sehingga kini pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia masih belum mengumumkan statistik pelaburan yang terkini bagi tahun 2017.
- b) Ya, secara dasarnya pihak Kerajaan Negeri mengambil peluang ke atas perkembangan dan juga dasar hab tempatan serta global bagi industri halal ini. Industri halal pada masa kini adalah merupakan satu industri yang berkembang dengan cepat dan mendapat permintaan yang sangat tinggi dari dalam dan luar negara.

Beberapa inisiatif telah dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri khususnya dalam perkembangan industri hab halal ini. Penubuhan *Majlis Halal International Selangor* yang dipengerusikan sendiri oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar adalah merupakan langkah awal yang telah dilaksanakan bagi merealisasikan manifesto dan meletakan Selangor sebagai Hab Halal terulung di Malaysia dan global.

Majlis Halal International Selangor juga berperanan dalam memantau dan memberi fokus pelaburan dari sektor industri Halal yang mana ianya menambah baik Negeri Selangor sebagai negeri yang maju, berdayasaing dan prodagangan.

Pihak Kerajaan Negeri juga telah menujuhkan sebuah organisasi "*Halal International Selangor*" yang akan turut memainkan peranan dalam perkembangan hab halal ini di Negeri Selangor.

*Halal International Selangor* juga akan terlibat dalam membangunkan serta memantau pelaksanaan inisiatif industri halal di Negeri Selangor. Selain daripada itu, syarikat ini turut berperanan dalam melaksanakan program-program latihan yang telah dirancang.

Pihak Invest Selangor Berhad juga telah mengorak langkah dengan menjalinkan kerjasama diantara pihak Malaysia Airport Holdings Berhad dan Northport (Malaysia) Berhad sebagai entiti penting hab halal di Selangor. Gabungan lapangan terbang dan pelabuhan ini memberi impak yang sangat positif dalam ekosistem hab halal di Selangor dan Malaysia.

Selain itu, Invest Selangor juga sedang meneroka potensi kerjasama dengan beberapa pihak di Eropah serta Taiwan di dalam industri halal ini.

Dalam merealisasikan manifesto Selangor sebagai Halal Hub yang terulung pihak Invest Selangor dalam proses untuk menyediakan sebuah blueprint khusus bagi industri halal di Negeri Selangor. Blueprint ini juga akan menggetengahkan Selangor sebagai **“Global Halal Ingredient Hub”** dimana ianya akan menjadi teras utama kepada perkembangan industri halal di Selangor, terutamanya diperingkat antarabangsa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : BADAN PENGURURAN BERSAMA (JMB/MC)**

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan kes-kes JMB dan MC yang telah melanggar AKTA 757 yang telah disahkan oleh Pesuruhjaya Bangunan COB di setiap PBT setiap tahun?
- b) Nyatakan jenis-jenis kes yang melibatkan isu di atas?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mencegah perkara ini berulang?

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Jawapan seperti di lampiran.

STATUS PIHAK PENGURUSAN BAGI KAWASAN DUN BATU TIGA SEHINGGA 1 JULAI 2017

## COB: MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

BIL	NAMA PANGSAPURI	PEMAJU	STATUS JMB/MC AKTIF/TIDAK AKTIF ATAU MASIH PEMAJU
1	RP KOS S. RENDAH BLOK 1-3 SEKSYEN 17/1	PKNS	MASIH PEMAJU
	RP KOS S. RENDAH BLOK 4-6 SEKSYEN 17/1		MASIH PEMAJU
	RP KOS S. RENDAH BLOK 1-3 SEKSYEN 17/2		AKTIF
	RP KOS S. RENDAH BLOK 4-6 SEKSYEN 17/2		AKTIF
	RP KOS S. RENDAH BLOK 7-10 SEKSYEN 17/2		AKTIF
	PANGSAPURI PUTERI		LEBAR DAUN DEVELOPMENT
2	PANGSAPURI KOMUTERAYA	PKNS	AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 19/3 BLOK 1-5		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 19/3 BLOK 6-9		AKTIF
	RUMAH PANGSA BLOK 1 - 5 SEKSYEN 19/15		AKTIF
	RUMAH PANGSA BLOK 6 SEKSYEN 19/15		MASIH PEMAJU
	RUMAH PANGSA BLOK 7 SEKSYEN 19/15		TIDAK AKTIF
	RUMAH PANGSA BLOK 8 SEKSYEN 19/15		AKTIF
3	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 3 SEKSYEN 20	PKNS	MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 4 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 13 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 14 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 15 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 16 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 17 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 18 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 19 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	KONDOMINIUM SURI PUTERI		SC LAND (SEMANGAT ULUNG)
4	KONDOMINIUM PURI AYU	SHANGHAI REALITY (M) SB	AKTIF
	PANGSAPURI INDAHRIA		AKTIF
	KONDOMINIUM INDAH ALAM		AKTIF
	PANGSAPURI PERKHIDMATAN ALAM IDAMAN	CB LAND SDB BHD	AKTIF
	KEDAI PEJABAT AVENUE CREST		AKTIF
	PANGSAPURI ALAM PRIMA	SPNB	AKTIF
5	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 2 - 5	PKNS	TIDAK AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 19 - 21		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 32		TIDAK AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 54 - 59		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 34 - 36		TIDAK AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 LOK 37 - 41		TIDAK AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 42		TIDAK AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 43 - 46		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 50 - 53		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 60 - 61		TIDAK AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 64 & 73		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 65, 66, 67, 68 & 70		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 69, 71 & 72		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 28 - 31		TIDAK AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 74 & 77		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 75, 76 & 78		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 22 - 27		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 10 - 17		AKTIF
	RUMAH PANGSA BLOK 79 SEKSYEN 24		AKTIF

STATUS PIHAK PENGURUSAN BAGI KAWASAN DUN BATU TIGA SEHINGGA 1 JULAI 2017

COB: MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

BIL	NAMA PANGSAPURI	PEMAJU	STATUS JMB/MC AKTIF/TIDAK AKTIF ATAU MASIH PEMAJU
	RUMAH PANGSA BLOK 80 SEKSYEN 24		AKTIF
	RUMAH PANGSA BLOK 81 SEKSYEN 24		AKTIF
	RUMAH PANGSA BLOK 82 SEKSYEN 24		MASIH PEMAJU
	RUMAH PANGSA BLOK 83 SEKSYEN 24		MASIH PEMAJU
	RUMAH PANGSA BLOK 84 SEKSYEN 24	PKNS	MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI ALUNAN BAYU		AKTIF
	PANGSAPURI BELAIAN BAYU		AKTIF

JUMLAH : 55

JMB/MC AKTIF : 31

JMB/MC TIDAK AKTIF: 8

MASIH PEMAJU :16

Sumber : COB, Majlis Bandaraya Shah Alam

**STATUS PIHAK PENGURUSAN BAGI KAWASAN DUN BATU TIGA SEHINGGA 1 JULAI 2017**

**COB:MAJLIS PERBANDARAN KLANG**

BIL	NAMA PANGSAPURI	PEMAJU	SATUS JMB/MC AKTIF / TIDAK AKTIF ATAU MASIH PEMAJU
1	Pangsapuri Bukit Kuda	Titi Kaya Sdn Bhd	Aktif
2	Permai Bukit Kuda	Kompo Bina Sdn Bhd	Aktif
3	Pelangi Heights	Eng Ann Realty Co. Sdn Bhd	Aktif
4	Kondominium Dinasti	Dynasty Condo Management Sdn Bhd	Aktif
5	Kondominium Regency	MTL Lumber Sdn Bhd	Aktif
6	Centro	Centro Properties Group Sdn Bhd	Aktif
7	Flat Taman Aman	Who Pah Sang Sdn Bhd	Tidak Aktif
8	Bukit Kuda Court	Bukit Gombak Sdn Bhd	Tidak Aktif

**JUMLAH : 8**

**JMB/MC AKTIF : 6**

**JMB/MC TIDAK AKTIF : 2**

**Sumber : COB, Majlis Perbandaran Klang**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : BANTUAN KEPADA PESAWAH PADI AKIBAT WABAK BLB  
(BACTERIA LEAVE BLIGHT)**

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pesawah padi yang telah diberi bantuan oleh kerajaan negeri akibat serangan wabak BLB pada musim awal tahun 2017?
- b) Berapakah jumlah bantuan yang telah di berikan kepada mereka?
- c) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk mengawal serangan wabak tersebut dari merebak?

**JAWAPAN:**

- a) dan b) dijawab bersekali.

Tiada bantuan yang diberikan kepada pesawah di musim awal 2017 memandangkan bantuan kewangan tersebut hanya diberikan untuk penanaman musim ke 2/2016.

- c) Bagi memastikan serangan dapat dikawal, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Selangor akan sentiasa memberikan penerangan berkenaan dengan kaedah dan tatacara yang betul terutamanya ketika menjalankan kerja-kerja meracun dan membaja. Ini adalah kerana hasil dari penelitian oleh pihak jabatan, penyebaran penyakit tersebut banyak disumbangkan oleh kaedah kerja yang tidak menitik beratkan kebersihan diri terutamanya pakaian semasa kerja-kerja tersebut dijalankan.

Selain dari itu, faktor cuaca turut menjadi punca kepada penyebaran penyakit tersebut khususnya pada musim ke dua di mana pada ketika itu iainya melalui musim tengkujuh dan keadaan angin yang kuat yang secara tidak langsung akan mempercepatkan lagi penyebaran penyakit tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : DASAR PEMBANGUNAN WANITA**

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Dasar Pembangunan Wanita Selangor?
- b) Apakah perancangan Kerajaan untuk menggalakkan wanita berumah tangga bekerja?
- c) Apakah perancangan Kerajaan terhadap wanita berusia yang tinggal berseorangan?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : KES RASUAH DAN PENYALAHGUNAAN KUASA KAKITANGAN AWAM DI SELANGOR**

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat kes rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku di kalangan kakitangan awam negeri Selangor?
- b) Berapakah kertas siasatan yang telah dibuka SPRM melibatkan kakitangan awam negeri?
- c) Bagaimanakah dasar kerajaan negeri dapat mendidik penjawat awam menolak rasuah dan penyalahgunaan kuasa?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Negeri Selangor bermula Januari sehingga Jun 2017, tiada kes rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang disabitkan ke atas kakitangan awam di Negeri Selangor.
- b) Sejak Januari sehingga Jun 2017, terdapat 19 kertas siasatan telah dibuka oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia melibatkan kakitangan awam di Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, empat (4) daripadanya adalah penjawat awam yang berkhidmat di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri dan selebihnya 15 adalah penjawat awam Persekutuan yang berkhidmat di Negeri Selangor. Kesemua kertas siasatan berkenaan masih dalam tindakan.
- c) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan tadbir urus organisasi dan penginstitusian integriti dilaksanakan secara efisien dalam membendung sebarang bentuk salah laku di kalangan penjawat awam terutamanya yang melibatkan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Dalam mencapai hasrat ini, antara dasar dan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, termasuklah:

- (i) Mewujudkan hubungan langsung dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Negeri Selangor serta pihak Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) di Ibu Pejabat SPM dalam mengambil langkah pencegahan serta penguatkuasaan terhadap jenayah salah laku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa;
- (ii) Mewujudkan hubungan langsung dengan Unit Integriti di setiap jabatan/agensi dalam memberikan penerangan berkenaan integriti dan dalam masa yang sama membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan kakitangan masing-masing;
- (iii) Mengadakan kursus, seminar, bengkel dan taklimat berhubung tatakelakuan dan salahlaku rasuah;
- (iv) Mengedarkan risalah-risalah berkaitan tatakelakuan dan salahlaku rasuah;
- (v) Memberikan komitmen akan turut serta menjayakan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan mewujudkan inisiatif-inisiatif dalam membendung gejala rasuah; dan
- (vi) Menyediakan saluran aduan integriti yang melibatkan penjawat awam melalui emel, talian telefon, faks, surat dan *walk-in* di Unit-unit Integriti yang ditubuhkan bagi memudahkan penyaluran aduan integriti sama ada dari kalangan kakitangan mahu pun orang awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : SMART SELANGOR**

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha pihak PBT untuk menjadikan PBT menjadi Bandaraya Pintar (Smart City)?
- b) Berapa perbelanjaan untuk usaha-usaha ini, senaraikan mengikut PBT?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : LAPORAN EKONOMI NEGERI**

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mengeluarkan laporan ekonomi negeri semasa yang lengkap?
- b) Apakah indikator dan maklumat penting tentang ekonomi negeri semasa?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui UPEN telah berkolaborasi bersama *Malaysian Institute of Economic Research* (MIER) sejak tahun 2014 bagi menyediakan Laporan Ekonomi Negeri Selangor yang mengandungi laporan lengkap mengenai pencapaian ekonomi Negeri Selangor. Laporan ini disediakan bagi memantau pencapaian ekonomi dan melihat keberkesanan program dan projek yang dilaksanakan serta menjadi rujukan dalam merancang strategi baru untuk meningkatkan keberkesanan dan kebolehcapaian projek pada masa akan datang. Di samping itu, MIER juga menyediakan unjuran serta prospek bagi masa hadapan yang telah dibentangkan semasa Retreat EXCO pada Mac 2017.
- b) Prestasi ekonomi Negeri Selangor pada tahun 2015 mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 5.7%, iaitu 0.7% lebih tinggi berbanding pertumbuhan ekonomi Malaysia yang hanya tumbuh sebanyak 5.0%. Pencapaian pertumbuhan sebanyak 5.7% ini telah membolehkan Negeri Selangor menyumbang melebihi 1/5 daripada keseluruhan KDNK Negara secara berterusan untuk tempoh 5 tahun kebelakangan. Sumbangan sebanyak 22.6% atau bersamaan dengan RM239,968 juta pada 2015 merupakan rekod tertinggi yang pernah dicapai oleh Negeri Selangor sepanjang 2010 – 2015.

Prestasi tersebut diukur berdasarkan prestasi 5 (lima) sektor utama iaitu perkhidmatan, pembuatan, pembinaan, perlombongan dan kuari serta pertanian. Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan MIER menunjukkan pada tahun 2015 sektor perkhidmatan menyumbang 59.4% kepada ekonomi Negeri Selangor berjumlah RM142,609 juta diikuti sektor pembuatan 29.4% dengan nilai RM70,579 juta, pembinaan 6.2% berjumlah RM14,827 juta, pertanian memberi sumbangan

sebanyak 1.6% berjumlah RM3,762 juta manakala perlombongan dan pengkuarian sebanyak 0.2% dengan jumlah RM513 juta.

Setiap sektor utama menunjukkan pertumbuhan yang positif kecuali sektor pertanian dalam tahun 2015. Sektor pembinaan tumbuh sebanyak 7.1% manakala sektor perkhidmatan tumbuh sebanyak 5.6%. Sektor pembuatan tumbuh 5.4% dan sektor perlombongan dan pengkuarian tumbuh 4.0%. Sektor pertanian mengalami penguncutan sebanyak 2.8%.

Bagi aspek pelaburan pada tahun 2015 menunjukkan peningkatan sebanyak 13.1% (RM921.5 juta) yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) kepada RM7,963.8 juta berbanding RM7,042.3 juta pada tahun 2014. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam pelaburan pembuatan dalam barang domistik iaitu sebanyak 17.0% atau sebanyak RM5,175.6 juta. Terdapat lebih kurang 222 buah projek perkilangan yang diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor pada tahun 2015. Sebanyak 53% pelaburan di Negeri Selangor dikuasai oleh pelabur tempatan dan 47% dari pelabur asing (FDI). Pelaburan domestik mencatatkan peningkatan sebanyak 9% iaitu sebanyak RM4,182.5 juta.

Pencapaian cemerlang Negeri Selangor yang telah dikecapi pada hari ini sebagaimana hasil penemuan MIER adalah didorong oleh keupayaan tadbir urus institusi Kerajaan yang berlandaskan integriti, ketelusan, urus tadbir yang baik dan berwibawa yang menjadi asas nombor satu dalam memacu pembangunan ekonomi Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN NG SUEE LIM**  
**(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PROSES PERWARTAAN JETI NELAYAN SEKINCHAN**

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini proses perwartaan tersebut.
- b) Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi oleh KNS dalam proses mempercepatkan usaha tersebut.
- c) Sila nyatakan berapakah tempoh masa yang masih diperlukan untuk menyelesaikan isu perwartaan tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Maklumbalas oleh Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam

MMKN ke 20/2017 pada 14 Jun 2017 telah meluluskan perizinan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara bagi tujuan jeti/pelantar ikan di Plot 1 berkeluasan 104,046.812 meter persegi dengan melantik Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pegawai Pengawal dan diselenggara oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Seterusnya, Pejabat Tanah Sabak Bernam (PTSB) telah mengemukakan Permohonan Ukur (PU) kepada pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) bagi penyediaan Pelan Akui (PA) pada 11 Julai 2017 sebelum diangkat untuk penyiaran warta.

Di samping itu, MMKN ke 20/2017 pada 14 Jun 2017 telah meluluskan permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di bawah Seksyen 65, Kanun Tanah Negara ke atas Tanah Rizab Kerajaan Di Bagan Sekinchan, Pekan Sekinchan, Daerah Sabak Bernam bagi tujuan Jeti (Pelantar Ikan) daripada Yeoh Sy Jium (No. K/P: 760824-10-5019) dan 85 pemohon lain.

Walaubagaimanapun, Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan melalui surat bertarikh 5 Julai 2017 telah mengemukakan surat rayuan untuk pengecualian denda yang dikenakan di bawah Pekeliling PTGS Bil. 4/2015

terhadap kelulusan LPS tersebut. PTSB telah mengemukakan minit bebas untuk pertimbangan MMKN pada 7 Julai 2017 berhubung perkara ini.

b) Maklumbalas oleh Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam

Kekangan ini dijangka wujud di peringkat kerja-kerja ukur kadaster oleh pihak JUPEM bagi tujuan penyediaan PA.

Maklumbalas oleh Lembaga Urus Air Selangor

MMKN memutuskan untuk LUAS membuat perancangan jangka panjang bagi pembangunan jeti di kawasan ini berdasarkan Kajian Pengurusan Jeti Negeri Selangor. Mesyuarat juga mencadangkan penggabungan beberapa buah jeti sedia ada bagi memudahkan pengurusan dan menjamin keselamatan.

Beberapa siri perbincangan lanjut bersama semua pihak berkepentingan dan agensi akan dijalankan bagi mengenalpasti jeti-jeti yang akan digabungkan. Pembinaan jeti awam dicadangkan bagi mengoptimakan penggunaan jeti di Bagan Sekinchan.

c) Maklumbalas oleh Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam

Tempoh masa yang akan diperlukan adalah 7 bulan. Kerja-kerja ukur kadaster bagi penyediaan Pelan Akui akan mengambil masa tidak melebihi 180 hari (6 bulan) dari tarikh penerimaan Permohonan Ukur yang lengkap dan teratur (berdasarkan piagam pelanggan JUPEM). Manakala proses penyediaan dan penyiaran warta akan mengambil masa selama 14 hari dari tarikh permohonan dan PA diterima.

Maklumbalas oleh Lembaga Urus Air Selangor

Kerajaan Negeri memberikan tempoh selama 2 tahun bagi LUAS melaksanakan pelan jangka panjang bagi pembangunan jeti di mana LUAS perlu mengenalpasti lokasi bagi pembinaan jeti awam dan jeti-jeti sedia ada yang akan digabungkan.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **KRONOLOGI PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN PENGURUSAN JETI BAGI KAWASAN BAGAN SEKINCHAN**

TARIKH	PERKARA
<b>2013</b>	Inventori yang dijalankan di seluruh Negeri Selangor mendapati sebanyak 1350 buah jeti yang telah dibina yang merangkumi 1304 buah jeti nelayan dan 46 buah jeti komersial
	Kerajaan Negeri melalui MMKN Bil 18/2013 telah mengarahkan agar satu kajian berkenaan jeti dilaksanakan
<b>Okt 2013</b>	UPEN telah melantik KI Integrated Consultant Sdn. Bhd. sebagai juru perunding untuk menjalankan kajian dalam tempoh 6 bulan
<b>25 Jun 2014</b>	MMKN Bil. 25/2014 memutuskan satu bengkel perlu dijalankan bagi membentangkan hasil Kajian Pengurusan Jeti Negeri Selangor
<b>4 Sept 2014</b>	Bengkel Pelaksanaan Hasil Kajian Pengurusan Jeti Negeri Selangor diadakan
<b>24 Okt 2014</b>	Program Turun Padang YAB Menteri Besar ke Daerah Sabak Bernam mengesyorkan tapak jeti diwartakan sebagai kegunaan awam
<b>24 Jun 2015</b>	MMKN Bil. 20/2015 telah meluluskan Pelaksanaan Pelan Tindakan Pengurusan Jeti Negeri Selangor
<b>25 Ogos 2015</b>	Pemakluman kepada semua Pentadbir Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi yang berkaitan bagi 5 daerah yang terlibat
<b>24 Nov 2015</b>	Taklimat Pelaksanaan Pelan Tindakan Pengurusan Jeti Bagi Kawasan Sekinchan diadakan
<b>29 Dis 2015</b>	Semakan semula bancian jeti-jeti di kawasan Bagan Sekinchan untuk tindakan lanjut pengukuhan dan pewartaan Semakan semula telah mengenalpasti 89 buah jeti.
<b>Julai 2016</b>	Pengemukaan pelan ukur bagi permohonan LPS dan pewartaan dikemukakan Permohonan dikemukakan bagi 86 buah jeti
<b>29 Nov 2016</b>	Mesyuarat Status Terkini Pelan Tindakan Pengurusan Jeti Negeri Selangor Bagi Kawasan Sekinchan diadakan
<b>14 Jun 2017</b>	MMKN Bil 20/2017 memutuskan untuk LPS diluluskan bagi tempoh 2 tahun di bawah Seksyen 65, KTN. MMKN juga meluluskan perizinan di bawah Seksyen 62, KTN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : ISU PEMBANGUNAN PERUMAHAN DI KAWASAN KAMPUNG TRADISI**

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang untuk memperketat syarat-syarat kelulusan dan penguatkuasaan bagi pembangunan perumahan di kawasan kampung tradisi di atas tanah sendiri berkeadaan berbukit atau tidak rata bagi mengelakkan banjir lumpur, tanah runtuh atau kerosakan kepada tanah-tanah bersempadan?
- b) Nyatakan syarat-syarat sedia ada.

**JAWAPAN:**

a) & b)

Pihak MPKj akan merujuk terlebih dahulu projek pembangunan yang terlibat dengan kawasan sensitif alam sekitar kepada Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Semtitif Alam Sekitar Negeri Selangor sebelum dipertimbangkan untuk kelulusan Kebenaran Merancang bagi mengelakkan banjir lumpur, tanah runtuh dan sebagainya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : ENAKMEN PENGURUSAN SISA PEPEJAL**

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal akan dilaksanakan?
- b) Apakah undang-undang kecil yang telah digubal bagi pengurusan sisa pepejal sementara menunggu pelaksanaan Enak Pengurusan Sisa Pepejal?

**JAWAPAN:**

- a) Draf Enakmen Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor masih dalam proses penelitian semula oleh pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor setelah beberapa siri pembentangan kepada barisan *back benchers* diadakan, iaitu pada 19 April 2016, 28 Julai 2016 dan 23 September 2016.

Di antara isu yang masih dalam penelitian lanjut oleh pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

- i. Proses penterjemahan dwi Bahasa Draf Enakmen Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor;
  - ii. Persetujuan atau kebenaran bertulis daripada Jabatan Peguam Negara mengenai Draf Enakmen Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor; dan
  - iii. Proses rundingan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaras dengan kehendak Perkara 79 Perlembagaan Persekutuan.
- 
- b) Pada masa kini, Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT Negeri Selangor sedang menguatkuasakan **Undang-Undang Kecil Pembuangan, Pemungutan dan Pelupusan Sampah Sarap (2007)**. Cadangan untuk memperkasakan Undang-Undang Kecil (UUK) sedia ada masih di dalam penelitian pihak Kerajaan Negeri sementara menunggu proses penelitian draf Enakmen Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor dimuktamadkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT**

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pendaftaran skim ini setakat ini dan jumlah individu yang terlibat?
- b) Berapakah jumlah permohonan yang ditolak dan apakah sebabnya?
- c) Berapakah jumlah yang telah dituntut setakat ini?

**JAWAPAN:**

**Soalan 1 daripada YB Sekinchan adalah berkaitan Skim Peduli Sihat (SPS) yang akan dijawab bersekali dengan soalan-soalan seperti berikut:**

- i) **Soalan 215 daripada YB Kajang;**
- ii) **Soalan 206 daripada YB Kota Anggerik;**
- iii) **Soalan 31 daripada YB Seri Andalas;**
- iv) **Soalan 172 daripada YB Hulu Kelang; dan**
- v) **Soalan 103 daripada YB Jeram.**

Seperti mana kita sedia maklum, Skim Peduli Sihat yang telah dilancarkan pada 24 Januari 2017, membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap bebanan kos rawatan kesihatan rakyat yang semakan tinggi. Program yang terunggul di Malaysia dan hanya terdapat di Selangor ini merupakan satu program yang berimpak tinggi selari dengan peruntukan yang telah dikhatuskan untuk pelaksanaannya, iaitu RM125 juta setahun.

Tuan Speaker,

**YB Kajang, YB Kota Anggerik, YB Seri Andalas, YB Sekinchan, YB Jeram dan YB Hulu Kelang bertanyakan berkaitan jumlah keahlian Skim Peduli Sihat serta pecahan mengikut Dewan Negeri.**

Jumlah permohonan keahlian SPS yang telah berdaftar sehingga 12 Julai 2017 adalah sebanyak 216,051 orang ahli. Jumlah ahli mengikut Dewan Negeri adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Dewan Negeri</b>		<b>Jumlah Ahli</b>
1	N01	SUNGAI AIR TAWAR - N01	6,162
2	N02	SABAK - N02	2,448
3	N03	SUNGAI PANJANG - N03	7,354
4	N04	SEKINCHAN - N04	2,486
5	N05	HULU BERNAM - N05	1,873
6	N06	KUALA KUBU BAHRU - N06	1,851
7	N07	BATANG KALI - N07	6,741
8	N08	SUNGAI BURONG - N08	4,947
9	N09	PERMATANG - N09	5,184
10	N10	BUKIT MELAWATI - N10	5,130
11	N11	IJOK - N11	2,198
12	N12	JERAM - N12	5,602
13	N13	KUANG - N13	4,531
14	N14	RAWANG - N14	4,227
15	N15	TAMAN TEMPLER - N15	3,963
16	N16	BATU CAVES - N16	2,549
17	N17	GOMBAK SETIA - N17	3,109
18	N18	HULU KELANG - N18	2,319
19	N19	BUKIT ANTARABANGSA - N19	2,071
20	N20	LEMBAH JAYA - N20	3,178
21	N21	CHEMPAKA - N21	1,859
22	N22	TERATAI - N22	752
23	N23	DUSUN TUA - N23	2,126
24	N24	SEMENYIH - N24	2,746
25	N25	KAJANG - N25	1,963
26	N26	BANGI - N26	2,874
27	N27	BALAKONG - N27	988
28	N28	SERI KEMBANGAN - N28	2,563
29	N29	SERI SERDANG - N29	2,340
30	N30	KINRARA - N30	2,340
31	N31	SUBANG JAYA - N31	725
32	N32	SERI SETIA - N32	4,092
33	N33	TAMAN MEDAN - N33	3,485
34	N34	BUKIT GASING - N34	618

Bil.	Dewan Negeri		Jumlah Ahli
35	N35	KAMPUNG TUNKU - N35	525
36	N36	DAMANSARA UTAMA - N36	867
37	N37	BUKIT LANJAN - N37	3,090
38	N38	PAYA JARAS - N38	6,701
39	N39	KOTA DAMANSARA - N39	2,623
40	N40	KOTA ANGGERIK - N40	3,852
41	N41	BATU TIGA - N41	3,721
42	N42	MERU - N42	8,060
43	N43	SEMENTA - N43	3,595
44	N44	SUNGAI PINANG - N44	1,219
45	N45	SELAT KLANG - N45	3,355
46	N46	PELABUHAN KLANG - N46	2,690
47	N47	PANDAMARAN - N47	2,304
48	N48	KOTA ALAM SHAH - N48	663
49	N49	SERI ANDALAS - N49	4,262
50	N50	SRI MUDA - N50	3,061
51	N51	SIJANGKANG - N51	4,258
52	N52	TELOK DATOK - N52	4,840
53	N53	MORIB - N53	7,045
54	N54	TANJUNG SEPAT - N54	4,917
55	N55	DENGKIL - N55	8,621
56	N56	SUNGAI PELEK - N56	4,856
57	KHAS		23,532
	JUMLAH KESELURUHAN		216,051

**YB Sekinchan** bertanyakan berkaitan keahlian SPS mengikut kaum, berikut adalah pecahan mengikut kaum sehingga 12 Julai 2017 :

Bil.	Kaum	Jumlah Pemohon yang Berjaya	Peratusan %
1	MELAYU	142,558	66%
2	CINA	31,451	14%
3	INDIA	40,367	19%
4	LAIN-LAIN	1,675	1%
	JUMLAH	216,051	100%

**YB Jeram** bertanyakan jumlah permohonan SPS yang ditolak dan sebab penolakan.

Jumlah permohonan yang ditolak sehingga 12 Julai 2017 adalah sebanyak 5,235 permohonan. Di antara sebab permohonan tersebut ditolak adalah seperti berikut:

- i. Dokumen sokongan tidak lengkap;
- ii. Gaji melebihi had;
- iii. Tempoh pemastautin tidak mencukupi; dan
- iv. Dokumen sokongan yang mencurigakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

**YB Kajang, YB Kota Anggerik, YB Seri Andalas dan YB Jeram** turut bertanyakan berkaitan peruntukan yang telah dibelanjakan untuk SPS serta pecahan mengikut Dewan Negeri.

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga 12 Julai 2017, bagi pelaksanaan SPS adalah sebanyak RM1,621,950.27. Jumlah tersebut merupakan amaun tuntutan ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh klinik panel SPS bagi menampung kos rawatan peserta SPS.

Berikut adalah jumlah amaun tuntutan mengikut Dewan Negeri :

DEWAN NEGERI	BILANGAN PESAKIT	AMAUN TUNTUTAN (RM)
N55 DENGKIL	2,300	102,753.95
N10 BUKIT MELAWATI	1,862	85,782.50
N56 SUNGAI PELEK	1,719	79,501.00
N03 SUNGAI PANJANG	1,663	72,245.40
N28 SERI KEMBANGAN	1,323	60,819.50
N07 BATANG KALI	1,338	60,412.70
N42 MERU	1,320	56,407.30
N09 PERMATANG	1,141	52,741.00
N01 SUNGAI AIR TAWAR	1,153	52,701.70
N38 PAYA JARAS	1,025	46,194.00
N49 SERI ANDALAS	949	43,286.75
N12 JERAM	961	43,093.60
N53 MORIB	905	40,127.00
N13 KUANG	892	38,961.80
N52 TELOK DATOK	793	37,383.00
N32 SERI SETIA	710	32,890.80

<b>DEWAN NEGERI</b>	<b>BILANGAN PESAKIT</b>	<b>AMAUN TUNTUTAN (RM)</b>
N08 SUNGAI BURONG	647	30,603.10
N14 RAWANG	658	28,795.20
N46 PELABUHAN KLANG	609	28,116.40
N41 BATU TIGA	629	27,872.46
N26 BANGI	628	26,888.60
N43 SEMENTA	628	26,762.10
N15 TAMAN TEMPLER	636	26,673.25
N54 TANJUNG SEPAT	582	25,093.00
N51 SIJANGKANG	567	24,970.60
N40 KOTA ANGGERIK	538	24,381.90
N33 TAMAN MEDAN	518	24,252.40
N45 SELAT KLANG	553	23,657.50
N29 SERI SERDANG	490	22,546.80
N18 HULU KELANG	540	22,202.80
N17 GOMBAK SETIA	466	21,249.90
N47 PANDAMARAN	456	20,311.60
N24 SEMENYIH	436	19,736.40
N39 KOTA DAMANSARA	425	19,336.06
N30 KINRARA	430	19,315.50
N20 LEMBAH JAYA	437	19,110.50
N20 LEMBAH JAYA	437	19,110.50
N06 KUALA KUBU BAHRU	409	18,715.00
N19 BUKIT ANTARABANGSA	405	17,848.65
N37 BUKIT LANJAN	392	17,732.00
N25 KAJANG	387	17,632.60
N21 CHEMPAKA	387	17,466.00
N02 SABAK	404	17,382.40
N23 DUSUN TUA	366	16,118.60
N16 BATU CAVES	344	15,701.40
N50 SRI MUDA	347	15,541.65
N04 SEKINCHAN	319	14,533.50
N11 IJOK	310	13,752.00
N31 SUBANG JAYA	259	11,597.35
N05 HULU BERNAM	283	9,741.00
N27 BALAKONG	192	8,492.95
N44 SUNGAI PINANG	111	5,295.10
LAIN-LAIN	101	4,461.00
N34 BUKIT GASING	96	4,362.50
N22 TERATAI	67	3,072.00
N48 KOTA ALAM SHAH	48	2,253.50

N36 DAMANSARA UTAMA	41	1,770.00
N35 KAMPUNG TUNKU	30	1,303.00
<b>JUMLAH</b>	<b>36,225</b>	<b>1,621,950.27</b>

**YB Jeram** bertanyakan berkenaan klinik panel bagi SPS, pada masa ini sebanyak 624 klinik panel yang telah berdaftar dengan SPS. Berikut adalah pecahan klinik panel mengikut Dewan Negeri :

Bil.	Dewan Negeri		Jumlah Klinik
1	N01	SUNGAI AIR TAWAR - N01	0
2	N02	SABAK - N02	2
3	N03	SUNGAI PANJANG - N03	6
4	N04	SEKINCHAN - N04	1
5	N05	HULU BERNAM - N05	0
6	N06	KUALA KUBU BAHRU - N06	6
7	N07	BATANG KALI - N07	12
8	N08	SUNGAI BURONG - N08	1
9	N09	PERMATANG - N09	4
10	N10	BUKIT MELAWATI - N10	4
11	N11	IJOK - N11	3
12	N12	JERAM - N12	8
13	N13	KUANG - N13	2
14	N14	RAWANG - N14	26
15	N15	TAMAN TEMPLER - N15	9
16	N16	BATU CAVES - N16	17
17	N17	GOMBAK SETIA - N17	7
18	N18	HULU KELANG - N18	2
19	N19	BUKIT ANTARABANGSA - N19	8
20	N20	LEMBAH JAYA - N20	21
21	N21	CHEMPAKA - N21	1
22	N22	TERATAI - N22	2
23	N23	DUSUN TUA - N23	4
24	N24	SEMENYIH - N24	14
25	N25	KAJANG - N25	27
26	N26	BANGI - N26	23
27	N27	BALAKONG - N27	9
28	N28	SERI KEMBANGAN - N28	18
29	N29	SERI SERDANG - N29	13
30	N30	KINRARA - N30	32
31	N31	SUBANG JAYA - N31	24
32	N32	SERI SETIA - N32	19

Bil.	Dewan Negeri		Jumlah Klinik
33	N33	TAMAN MEDAN - N33	13
34	N34	BUKIT GASING - N34	3
35	N35	KAMPUNG TUNKU - N35	7
36	N36	DAMANSARA UTAMA - N36	10
37	N37	BUKIT LANJAN - N37	5
38	N38	PAYA JARAS - N38	15
39	N39	KOTA DAMANSARA - N39	19
40	N40	KOTA ANGGERIK - N40	48
41	N41	BATU TIGA - N41	22
42	N42	MERU - N42	22
43	N43	SEMENTA - N43	29
44	N44	SUNGAI PINANG - N44	5
45	N45	SELAT KLANG - N45	5
46	N46	PELABUHAN KLANG - N46	22
47	N47	PANDAMARAN - N47	4
48	N48	KOTA ALAM SHAH - N48	5
49	N49	SERI ANDALAS - N49	7
50	N50	SRI MUDA - N50	17
51	N51	SIJANGKANG - N51	6
52	N52	TELOK DATOK - N52	8
53	N53	MORIB - N53	6
54	N54	TANJUNG SEPAT - N54	4
55	N55	DENGKIL - N55	10
56	N56	SUNGAI PELEK - N56	7
	JUMLAH KESELURUHAN		624

**YB Sekinchan** bertanyakan berkaitan kaedah mempercepatkan kelulusan setiap permohonan.

Permohonan Keahlian SPS boleh dibuat melalui 2 kaedah iaitu dengan membuat permohonan secara atas talian (*online*) ataupun melalui Pusat Khidmat Masyarakat berhampiran. Bagi memudahkan permohonan, petugas PKM akan membantu menguruskan pendaftaran SPS ini terutama kepada golongan yang kurang upaya dan kurang berpengetahuan menggunakan capaian internet. Proses ini dapat mempercepatkan kelulusan setiap permohonan yang diterima.

Bagi memperkasakan program Skim Peduli Sihat (SPS) demi kepentingan dan kebajikan rakyat di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mewujudkan beberapa **Kategori Khas** yang akan didaftarkan dan diluluskan oleh pihak Selgate Corporation Sdn. Bhd. selaku pihak yang telah dilantik bagi menguruskan pelaksanaan SPS. Kategori Khas ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Negeri yang mempunyai rekod penerima yang layak untuk menerima manfaat di bawah program ini. Senarai penerima manfaat SPS di bawah **Kategori Khas** yang ditetapkan adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI KHAS	AGENSI / JABATAN
1.	Orang Kelainan Upaya (OKU)	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (JKM)
2.	Anak Yatim	
3.	Guru KAFA	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS)
4.	Imam Masjid dan Surau	
5.	Fakir Miskin / Asnaf	Lembaga Zakat Selangor (LZS)
6.	Ketua Kampung dan Ketua Komuniti India	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
7.	Warga Emas (60 tahun ke atas)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : ASRAMA TOH PUAN NORASHIKIN DAN TUN DR ISMAIL**

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini asrama-asrama tersebut?
- b) Nyatakan kos-kos yang masih ditanggung dari 2014-2016?
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan kawasan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Asrama Yayasan Selangor di Kampung Pandan telah ditutup sepenuhnya bagi memberi laluan kepada projek pembangunan komersil.
- b) Kos-kos yang masih ditanggung adalah kawalan keselamatan, pembersihan, Caruman Membantu Kadar dan utiliti.
- c) Pihak pengurusan Yayasan Selangor merancang untuk membangunkan tanah tersebut sebagai pembangunan bercampur yang akan menjana pendapatan yang maksima. Pemilihan pemaju akan dilaksanakan secara tender terbuka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : GANGGUAN BEKALAN AIR PADA APRIL 2017**

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca insiden paip bersaiz 2050mm pecah berdekatan ELC International School, Jln Sierramas Barat Sungai Buluh yang menyebabkan gangguan bekalan air di 318 kawasan di Wilayah Petaling, Kuala Lumpur, Klang dan Shah Alam bermula 27 hingga 29 April 2017?

**JAWAPAN:**

- a) Punca paip bersaiz 2050mm pecah adalah insiden disebabkan paip haus dan lusuh (*wear and tear*) akibat daripada pelbagai faktor, seperti komposisi tanah, tekanan bebanan dan usia paip.

Susulan insiden ini Air Selangor telah mengaktifkan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) pada 27 April 2017. Lebih 380 ribu akaun telah mengalami gangguan bekalan air dan kerja-kerja pembaikan telah di siapkan dalam tempoh 13 jam, lebih awal daripada jadual asal, ia itu 48 jam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : AKTIVITI PERNIAGAAN PREMIS BERI BURUK/ BARANG LUSUH  
MASIH AKTIF DIKAWASAN PERUMAHAN/PENDUDUK DI DUN MERU.  
DIBAWAH PROGRAM PEMUTIHAN, PEMBERIAN NOTIS DAN  
TAKLIMAT KEPADA PENGUSAHA PADA MAC 2015 TELAH  
DILAKSANAKAN OLEH MPK**

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan yang telah menerima notis ini?
- b) Berapakah bilangan yang telah berpindah, masih meneruskan aktiviti dan janji pindah?
- c) Adakah pihak pejabat Daerah/Tanah telah dimaklumkan tentang salah guna tanah serta notis kesalahan di bawah akta PBT kepada pengusaha?

**JAWAPAN:**

- a) Sejumlah 167 premis telah menerima notis iaitu 91 premis (mengemukakan kebenaran merancang) dan 76 premis (berpindah ke zon industri).
- b) Terdapat 5 premis yang telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang.
- c) Majlis Perbandaran Klang telah mengemukakan Salinan maklumat premis kepada pihak Pejabat Tanah/Daerah Klang untuk tindakan di bawah Kanun Tanah Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : PENCAPAIAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah prestasi kewangan anak-anak syarikat utama Kerajaan Negeri Selangor seperti KDEB, KPS, PKNS, Yayasan Selangor dan PKPS?
- b) Apakah perancangan masa hadapan kerajaan untuk memastikan kedudukan anak-anak syarikat ini terus kukuh dalam menghadapi krisis ekonomi yang melanda.

**JAWAPAN:**

- a) Prestasi Kewangan berbanding tahun sebelum adalah seperti jadual di Lampiran A.
- b) Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa membuat pemantauan berterusan ke atas Anak-Anak Syarikat dan Badan Berkanun bagi membantu mengukuhkan kedudukan dan prestasi kewangan mereka. Sebagai langkah yang lebih komprehensif, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) kini memainkan peranan yang agresif dalam membantu Kerajaan Negeri untuk menstrukturkan semula fungsi dan peranan Anak Syarikat Kerajaan Negeri.

Perancangan ini dijangkakan dapat mengukuhkan lagi strategi korporat serta tadbir urus syarikat yang seterusnya dapat memberikan pulangan kepada pelaburan Kerajaan Negeri. Begitu juga dengan Badan-Badan Berkanun seperti PKNS, Yayasan Selangor dan PKPS yang sentiasa mengkaji serta melaksanakan pelan-pelan pembangunan bagi tujuan pengukuhan prestasi dan tadbir urus korporat untuk tempoh jangka panjang.

## LAMPIRAN A

Bil.	Badan Berkanun / Anak Syarikat	Keuntungan/ (Kerugian) Selepas Cukai 2015 (RM)	Keuntungan/ (Kerugian) Selepas Cukai 2016 (RM)	Faktor Kenaikan/(Penurunan) Prestasi Kewangan Antara Tahun 2015 dan 2016	Perancangan Masa Hadapan/ Penambahbaikan
1.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	(6,065,711,000.00)	(806,609,000.00)	Faktor utama kenaikan prestasi kewangan Kumpulan bagi tahun 2016 adalah disebabkan oleh kemerosotan muhibah atas penyatuan sebanyak RM6,134.24 juta ("one off") pada tahun 2015 oleh anak syarikat KDEB.	Menyelesaikan penstrukturkan semula air Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya dijangka dapat menambah baik prestasi kumpulan.
2.	Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPS)	55,329,000.00	97,766,000.00	Kenaikan prestasi kewangan pada tahun 2016 adalah kerana:  Keuntungan daripada pelupusan tanah Perangsang Templer Golf Club kepada Setia Eco Templer Sdn Bhd berjumlah RM97.5 juta; dan	Sebagai syarikat pelaburan induk, pihak syarikat berusaha untuk mempelbagaikan perniagaan di dalam beberapa sektor bagi bersaing untuk peluang pasaran. Kami yakin kepelbagaian portfolio

<b>Bil.</b>	<b>Badan Berkanun / Anak Syarikat</b>	<b>Keuntungan/ (Kerugian) Selepas Cukai 2015 (RM)</b>	<b>Keuntungan/ (Kerugian) Selepas Cukai 2016 (RM)</b>	<b>Faktor Kenaikan/(Penurunan) Prestasi Kewangan Antara Tahun 2015 dan 2016</b>	<b>Perancangan Masa Hadapan/ Penambahbaikan</b>
				Keuntungan daripada dua syarikat yang baharu dimiliki, Century Bond Bhd dan Kaiserkorp Corporation Group.	<p>pelaburan kami akan memberi peluang kepada kami untuk berkembang di pelbagai sektor, dalam waktu yang sama menambahbaikkan sektor sedia ada.</p> <p>Selain daripada itu, kami juga akan berusaha untuk mengembangkan perniagaan ke peringkat luar daripada Negeri Selangor dan seterusnya ke peringkat</p>

<b>Bil.</b>	<b>Badan Berkanun / Anak Syarikat</b>	<b>Keuntungan/ (Kerugian) Selepas Cukai 2015 (RM)</b>	<b>Keuntungan/ (Kerugian) Selepas Cukai 2016 (RM)</b>	<b>Faktor Kenaikan/(Penurunan) Prestasi Kewangan Antara Tahun 2015 dan 2016</b>	<b>Perancangan Masa Hadapan/ Penambahbaikan</b>
					antarabangsa. Kami percaya strategi ini akan melonjakkan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ke tahap yang lebih tinggi.
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	146,716,344.71	323,471,574.73	Pencapaian yang tinggi ini adalah disebabkan oleh peningkatan di dalam pendapatan bukan operasi melalui penerimaan dividen daripada Selgate Corporation Sdn Bhd ekoran penstrukturran semula Worldwide Holding Sdn Bhd sebagai anak syarikat PKNS.	-
4	Perbadanan	17,340,000.00	21,400,000.00	Peningkatan keuntungan	PKPS merancang

<b>Bil.</b>	<b>Badan Berkanun / Anak Syarikat</b>	<b>Keuntungan/ (Kerugian) Selepas Cukai 2015 (RM)</b>	<b>Keuntungan/ (Kerugian) Selepas Cukai 2016 (RM)</b>	<b>Faktor Kenaikan/(Penurunan) Prestasi Kewangan Antara Tahun 2015 dan 2016</b>	<b>Perancangan Masa Hadapan/ Penambahbaikan</b>
	Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)		(Belum beraudit)	tahun 2015 berbanding tahun 2016 adalah disebabkan :  i. Peningkatan harga sawit dan pengeluaran sawit (BTS) yang konsisten.  ii. Tambahan penjanaan pendapatan melalui sewaan bagi tanah-tanah yang kosong dan tidak ekonomik untuk diusahakan.	untuk membeli tanah baru untuk tujuan penambahan kawasan penanaman sawit dan ke arah melaksanakan Projek Agrotourism di Selangor Fruits Valley
5.	Yayasan Selangor (YS)	(18,170,000.00)	(21,680,000.00)	Penurunan disebabkan: - Pembalikan pendapatan (reversal of income) sebanyak RM12.0juta bagi cadangan projek pembangunan Kg Pandan.	Yayasan Selangor telah menyediakan perancangan strategik untuk tempoh 5 tahun bagi membangunkan land bank yang ada secara berterusan selain meneruskan

<b>Bil.</b>	<b>Badan Berkanun / Anak Syarikat</b>	<b>Keuntungan/ (Kerugian) Selepas Cukai 2015 (RM)</b>	<b>Keuntungan/ (Kerugian) Selepas Cukai 2016 (RM)</b>	<b>Faktor Kenaikan/(Penurunan) Prestasi Kewangan Antara Tahun 2015 dan 2016</b>	<b>Perancangan Masa Hadapan/ Penambahbaikan</b>
					aktiviti penyewaan hartanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PRESTASI SEKTOR PEMBUATAN**

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan nilai sumbangan terkini sektor pembuatan terhadap perkembangan ekonomi negeri?
- Nyatakan produk-produk pertanian negeri kini yang berdaya maju?
- Apakah strategi dan prospek untuk sektor pembuatan negeri?

**JAWAPAN:**

- Nilai sumbangan sektor pembuatan Negeri Selangor kepada ekonomi negara adalah seperti jadual di bawah:

Tahun	Nilai Sumbangan (RM juta)
2010	54,869
2011	57,576
2012	60,648
2013	62,811
2014	66,964
2015	70,579

Pada tahun 2010, nilai sumbangan Negeri Selangor dalam sektor pembuatan adalah sebanyak RM54,869 manakala pada tahun 2011 adalah sebanyak RM57,576. Tahun 2012 sehingga 2013 nilai sumbangan meningkat kepada RM60,648 dan RM62,811. Pada tahun 2014, nilai sumbangan adalah sebanyak

RM66,964 juta dan terus meningkat pada tahun 2015 dengan nilai sebanyak RM70,579.

(Sumber : Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

- b) Produk – produk Negeri Selangor yang berdaya maju adalah seperti;-
  - i. Produk Elektrik dan Elektronik.
  - ii. Aero Angkasa
  - iii. Produk Berasaskan Getah
  - iv. Produk Berasaskan Plastik
  - v. Produk Berasaskan Petroleum
  - vi. Oleo - Chemicals
- c) Dalam meningkatkan prestasi pelaburan negeri, Kerajaan Negeri memberi tumpuan untuk menarik pelaburan dalam industri berteknologi tinggi, Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada 5 sektor industri utama iaitu;-
  - i. Elektrik & Elektronik (*Electrical & Electronics*).
  - ii. Peralatan Pengangkutan (*Transport Equipments*).
  - iii. Sains Hayat (*Life Sciences*).
  - iv. Makanan (*Food Industries*).
  - v. Mesin & Peralatan (*Machinery & Equipments*).

Dari pada beberapa sektor industri utama tersebut, beberapa bidang industri tumpuan telah dikenalpasti berpotensi untuk berkembang di negeri Selangor seperti;-

- i. e-Commerce
- ii. Bio - Teknologi
- iii. Aero - Angkasa
- iv. Industri Halal

Bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan dan menarik pelaburan masuk ke Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah merangka beberapa strategi seperti berikut; -

**Strategi jangka masa panjang; -**

- i. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.
- ii. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui **Majlis Mesyuarat** yang ditubuhkan seperti;-
  1. Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)
  2. Halal International Selangor Council
  3. *Selangor Aerospace Council*
  4. *Bio Tech - Council*
- iii. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program lawatan pengalakkan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan merangka program lawatan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara yang berpotensi.
- iv. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui media cetak dan elektronik.
- v. Mewujudkan jaringan hubungan atau networking dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-Dewan Perniagaan dalam dan luar Negara).
- vi. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan.
- vii. Pengkelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri.
- viii. Mewujudkan kawasan perindustrian yang kondusif dan berkonsepkan *Managed Industrial Parks*.
- ix. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta yang

berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded*.

- x. Penganjuran ekspo dan forum bertaraf antarabangsa.

**Strategi jangka masa pendek:-**

- i. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik.
- ii. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur.
- iii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasaran Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
- iv. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan.
- v. Menyediakan peruntukan khusus bagi penyelenggaran kawasan perindustrian di setiap PBT.
- vi. Mengadakan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PASAR AWAM JALAN OTHMAN PETALING JAYA**

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status cadangan pembinaan semula pasar awam Jalan Othman Petaling Jaya?
- b) Senaraikan kronologi mesyuarat dan lawatan tapak untuk cadangan ini

**JAWAPAN:**

- a) dan b)

Suatu cadangan Pembangunan semula dilaksanakan bagi kawasan tersebut maka satu kajian yang menyeluruh perlu dilaksanakan terlebih dahulu yang akan mengambil kira dari segi penempatan semula dan infrastruktur baru

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN NEGERI SELANGOR**

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prestasi pendapatan dan perbelanjaan kerajaan untuk tahun 2017 sehingga Jun 2017?
- b) Apakah prestasi perbelanjaan yang telah diperuntukkan bagi tahun 2017 mengikut daerah sehingga Jun 2017?
- c) Apakah prestasi perbelanjaan yang telah diperuntukkan bagi tahun 2017 mengikut PBT sehingga 2017?

**JAWAPAN:**

- a) Prestasi hasil Kerajaan Negeri dari 1 Januari hingga 30 Jun 2017 telah mencapai RM1,476.58 juta iaitu 57.91 % berbanding anggaran tahun 2017 manakala prestasi perbelanjaan telah mencapai RM1,400.15 juta iaitu 40.58% berbanding anggaran tahun 2017. Perincian adalah seperti di jadual berikut :-

**PRESTASI KEWANGAN SEHINGGA 30 JUN 2017**

Perihal	2017		
	Belanjawan (Jan-Dis)		Sebenar (1-30 Jun)
	RM Juta	RM Juta	%
<b>Hasil</b>	A	<b>2,550.00</b>	<b>1,476.58</b> <b>57.91</b>
<i>Perbelanjaan Mengurus</i>	B	1,650.00	839.90 50.90
<i>Perbelanjaan Pembangunan</i>	C	1,800.00	560.25 31.13
<b>Jumlah Besar Perbelanjaan</b>	D = B + C	<b>3,450.00</b>	<b>1,400.15</b> <b>40.58</b>

b) Prestasi perbelanjaan Mengurus bagi setiap daerah sehingga tarikh 30 Jun 2017 adalah seperti berikut:

VOT	JABATAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN	
			RM	(%)
B18	Pejabat Daerah & Tanah Petaling	15,403,363.00	7,730,644.64	50.19
B19	Pejabat Daerah & Tanah Gombak	14,071,802.00	7,408,474.02	52.65
B20	Pejabat Daerah & Tanah Klang	14,641,178.00	6,721,699.44	45.91
B21	Pejabat Daerah & Tanah Kuala Langat	12,199,856.00	6,156,535.82	50.46
B22	Pejabat Daerah & Tanah Hulu Langat	14,000,178.00	7,194,830.71	51.39
B23	Pejabat Daerah & Tanah Sepang	11,624,205.00	5,417,819.55	46.61
B24	Pejabat Daerah & Tanah Kuala Selangor	12,613,396.00	6,621,664.06	52.50
B25	Pejabat Daerah & Tanah Hulu Selangor	12,910,840.00	6,317,287.37	48.93
B26	Pejabat Daerah & Tanah Sabak Bernam	13,325,247.00	6,223,217.07	46.70
<b>JUMLAH</b>		<b>120,790,065.00</b>	<b>59,792,172.68</b>	<b>49.50</b>

- c) Prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan berdasarkan laporan belanjawan PBT sehingga Jun 2017( belum diaudit) adalah seperti jadual berikut:

PBT	Peruntukan Mengurus Tahun 2017		
	Peruntukan Mengurus (RM)	Perbelanjaan (RM)	Prestasi (%)
MBSA	341,145,310.00	207,562,184.40	60.84
MBPJ	339,604,490.00	123,960,526.00	36.50
MPK	191,376,794.00	104,981,637.00	54.86
MPAJ	109,047,500.00	40,503,601.47	37.14
MPSJ	227,911,130.00	99,945,773.65	43.85
MPSp	102,098,100.00	37,042,089.00	36.28
MPKj	137,349,972.00	34,546,403.00	25.15
MPS	122,941,140.00	70,377,642.00	57.24
MDKL	48,431,200.00	18,603,471.00	38.41
MDHS	55,081,460.33	31,638,836.37	57.44
MDKS	43,313,995.00	19,117,167.49	44.14
MDSB	21,961,760.00	9,012,062.45	41.04
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,740,262,851.33</b>	<b>797,291,393.83</b>	<b>45.81</b>

PBT	Peruntukan Pembangunan Tahun 2017		
	Peruntukan Pembangunan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Prestasi (%)
MBSA	129,253,200.00	65,443,525.68	50.63
MBPJ	139,883,960.00	38,437,037.00	27.48
MPK	40,672,520.00	32,934,526.00	80.00
MPAJ	66,952,500.00	21,741,193.33	32.47
MPSJ	72,143,430.00	26,347,350.89	36.52
MPSp	36,662,800.00	8,005,115.00	21.83
MPKj	69,897,990.00	22,326,873.00	31.94
MPS	54,458,860.00	13,288,205.00	24.40
MDKL	41,213,120.00	3,214,468.00	7.80
MDHS	26,485,972.67	2,330,847.10	8.80
MDKS	17,292,870.00	4,337,090.59	25.08
MDSB	5,339,510.00	1,552,554.41	29.08
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>700,256,732.67</b>	<b>239,958,786.00</b>	<b>34.27</b>

\* Nota: Sumber maklumat adalah berdasarkan laporan bulanan yang dikemukakan oleh PBT kepada Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (UPEN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : PBT- PERTUMBUHAN PERNIAGAAN KECIL (MAKANAN)**

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan/polisi PBT-PBT di Selangor dalam menggalakkan pertumbuhan perniaga kecil khususnya dalam penyediaan makanan seperti gerai, kiosk dan kiosk bergerak bagi memenuhi permintaan yang meningkat di sudut lokasi dan program?
- b) Sila nyatakan perancangan jangka panjang dan jangka pendek (penjualan bermusim)/

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menyediakan Garis Panduan Trak Bergerak Makanan, Barang dan Perkhidmatan Negeri Selangor bagi memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha untuk berniaga secara berlesen di kawasan yang telah ditetapkan oleh PBT. PBT turut menyediakan lokasi khas bagi membantu peniaga trak bergerak (*food truck*) beroperasi secara berlesen dan persatuan peniaga ini turut dijemput ke program-program anjuran Kerajaan Negeri dalam usaha membantu dan menggalakkan peniaga ini menjana pendapatan.
- b) Berikut adalah perancangan jangka panjang dan jangka pendek PBT untuk penjualan bermusim :  
**Jangka Panjang**
  - i. Penyediaan tapak penjaja-penjaja secara berpusat;
  - ii. Memasukkan lokasi perniagaan sebagai lokasi yang patut dilawati dalam kawasan Majlis; dan
  - iii. Fi Permit dikecualikan bagi penjaja makanan (dasar Kerajaan).

**Jangka Pendek**

- i. Penyediaan tapak sementara penjaja-penjaja secara berpusat;
- ii. Kebenaran perniagaan bersifat sementara dan dalam tempoh singkat bagi membolehkan pemantauan dilakukan secara berterusan; dan
- iii. Fi Permit dikecualikan bagi penjaja makanan (dasar Kerajaan).